

PELUASAN MAKNA “KUAT” MELALUI WANITA DALAM NOVEL: SATU ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF

*Norsimah Mat Awal dan
Nor Hashimah Jalaluddin*

Abstrak

Kemunculan novel Alaf 21 mampu menarik perhatian pembaca sehingga jumlah novel yang terjual mencecah puluhan ribu naskah. Sambutan baik terhadap novel ini menarik untuk dikaji. Tema percintaan dengan konflik rumah tangga menjadi mauduk kebanyakan penulis yang rata-ratanya wanita. Pemaparan watak wanita yang cekal telah menjadi tumpuan kajian kertas ini. Insyirah menghadapi suami yang cemburu, Najmah yang bermadu menghadapi lelaki yang tamak dan Farah yang “mengganti tikar” terperangkap dengan abang ipar dan suami yang ego. Konflik yang mencabar kekuatan spiritual wanita-wanita ini mampu dihurai dengan pendekatan linguistik. Peluasan makna “kuat” melalui jaringan radial semantik kognitif akan mengupas perunggu perkataan seperti kukuh, tabah, tidak gentar dan sebagainya yang dapat menggambarkan peribadi watak-watak yang dilakarkan. Meskipun novel selalunya dianggap milik kajian kesusasteraan tetapi kali ini novel dijadikan data korpus untuk dianalisis menggunakan teori linguistik yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya.

Abstract

Popular fiction written in Malay is often construed by Malay literary scholars as marginalized literature and have very little literary value. Novels published by Alaf 21 which fall within this category have however been able to capture the interest of readers of Malay novels. This is reflected in the sale of the novels which have chalked up thousands of copies. The overwhelming response to these novels makes for an interesting object of study. The common theme of these novels is love in a troubled marriage and they are mostly written by women. The

depiction of “strong” women will be the focus of this paper. Insyirah is saddled with a jealous husband; Najmah, who is in a polygamous marriage, is trapped with a possessive husband; and Farah, who married her former brother-in-law, is also trapped with a brother-in-law/husband who is egoistic. The conflicts and challenges that these women face and how they rise above them will be discussed from a linguistic approach. The word kuat / strong is analyzed through cognitive semantic’s radial category networks and its extended meanings as manifested in words like kukuh/firm, tabah/brave, tidak gentar/not afraid and etc. These words are used in the depictions of these women. Novels are usually assumed to be the subject of literary studies, however, in this paper the novels chosen have become the corpus of a linguistic study by applying a linguistic theory in the analysis.

PENDAHULUAN

Sejak belakangan ini, novel-novel Melayu tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Ada beberapa penerbit seperti Creative Enterprise dan Alaf 21 telah berjaya menerbitkan novel-novel popular yang nyata mendapat tempat di hati peminat novel tanah air. Kejayaan penerbit-penerbit ini diukur melalui sambutan yang menggalakkan daripada pembaca sendiri. Kebanyakan novel itu berjaya dicetak ulang beberapa kali, dan ini merupakan satu perkembangan yang sihat dalam dunia penulisan.

Antara aspek yang menarik dengan novel ini ialah pemaparan tema, pembinaan plot cerita, perwatakan, dan pelepasan konflik yang berjaya menambat pembaca untuk terus memberikan sokongan kepada industri ini. Kertas ini akan menganalisis hanya satu aspek daripada keseluruhan aspek yang ada. Apa yang akan ditonjolkan dalam kertas ini adalah tentang perwatakan wanita yang terjelma dalam novel-novel terpilih. Inti pati kajian adalah untuk melihat kata adjektif “kuat” yang secara tidak langsung menggambarkan realiti wanita hari ini yang tabah dan sanggup menghadapi apa-apa sahaja halangan yang merintang.

Yang menarik tentang kertas ini ialah pendekatan yang bakal diambil adalah dengan menggunakan perspektif linguistik. Dan secara khususnya, menggunakan analisis semantik kognitif. Penginterpretasian makna merupakan salah satu pendekatan yang boleh diaplikasikan pada penulisan novel. Dalam konteks ini, novel terpilih akan menjadi data korpus yang bakal menjadi fokus kajian. *Kuat* yang terjelma pada setiap watak terpilih akan dianalisis berdasarkan makna teras dan makna pinggir serta skema imej yang bakal memberikan pemahaman yang luas mengenai makna *kuat*

itu sendiri. *Kuat* dalam erti kata gagah dari segi fizikal sahaja sudah tidak mencukupi malah *kuat* kini lebih tertumpu kepada kekuatan dalaman yang seterusnya mampu menjadikan seseorang itu lebih berani dan tabah dalam menghadapi kehidupan realiti hari ini. Kertas ini juga akan memperlihatkan wujudnya anjakan paradigma pemikiran terhadap wanita yang dipaparkan dalam karya klasik dan moden.

PERSOALAN YANG DIBANGKITKAN

Kajian mengenai hasil-hasil kesusasteraan telah banyak dilakukan. Kajian yang dilakukan bagi menumpukan persoalan kesusasteraan itu sendiri. Namun pada masa yang sama, perspektif lain juga boleh digunakan dalam menilai hasil-hasil kesusasteraan ini. Pewajaran-pewajaran di bawah ini boleh dianggap sebagai pencetus minda kepada kertas kajian ini:

- Kebanyakan hasil sastera seperti novel selalunya dilihat sebagai bahan kajian sastera. Sudah tiba masanya genre ini dikaji dari perspektif yang berlainan pula, iaitu linguistik.
- Selalunya, kajian mengenai genre sastera dilihat dari perspektif stilistik, iaitu gaya bahasa dalam hasil sastera tetapi kali ini kertas ini lebih kepada melihat penginterpretasian makna yang boleh dilakukan, dan seterusnya melihat peluasan makna adjektif *kuat* relevan dengan novel yang dipilih.
- Membuktikan teori semantik kognitif mampu menganalisis data-data novel ini yang juga menjadi korpus pada kajian ini.

Bertitik tolak daripada sini, kertas ini akan lebih berfokus kepada aplikasi linguistik pada korpus novel. Ada tiga perspektif yang boleh dilihat daripada kajian lepas mengenai novel. Pertama, kajian stilistik; kedua kajian semantik, dan akhir sekali kajian korpus. Gabungan daripada ketiga-tiga perspektif ini maka lahirlah kertas ini yang cuba menerapkan semantik kognitif secara khususnya dengan menggunakan korpus novel sebagai data. Jika selama ini stilistik dari segi struktur bahasa yang ditekankan, tetapi kali ini makna dan peluasan makna pula yang akan diberikan perhatian.

Kajian Stilistik

Banyak kajian stilistik yang telah dilakukan oleh para sarjana bahasa. Buku suntingan Farid M. Onn, *Stilistik: Simposium Keindahan Bahasa* (1982) telah memuatkan tujuh artikel yang membincangkan penggunaan bahasa

dalam karya kesusasteraan. Kebanyakan tulisan yang dimuatkan dalam buku ini memperlihatkan penggunaan struktur bahasa dengan mengambil beberapa potong contoh ayat daripada karya kesusasteraan itu sendiri. Hasil kesusasteraan itu menjadi data korpus bagi penulis yang terlibat. Usaha ini dianggap satu usaha yang baik kerana melihat kesusasteraan dari perspektif yang berbeza selain plot, tema, watak dan konflik cerita yang selalunya menjadi mauduk perbincangan ahli sastera sendiri. Yang penting di sini ialah wujudnya pendekatan antar disiplin di antara dua bidang yang saling berkait antara satu sama lain. Asmah (1991) turut melihat penggunaan bahasa dalam teks klasik *Aqa'id Al-Nasafi*, iaitu struktur bahasa teks klasik ini dan memperlihatkan evolusi bahasa Melayu itu sendiri. Sementara Fadzeli (2004) melalui artikelnya telah memfokuskan perbincangan kata penghubung dari sudut wacana.

Kajian Semantik

Sejak akhir-akhir ini, kajian semantik yang memfokuskan makna sering mengambil data cerpen dan novel untuk dijadikan data kajian. Data prosa ini yang menyerupai percakapan harian yang realistik serta gramatis telah menjadi pilihan terbaik untuk melihat bagaimana manusia Melayu ini mempersepsikan makna. Ternyata karya prosa mampu memberikan data yang bersifat autentik. Norsimah Mat Awal (2003) melalui kajian terjemahan berdasarkan semantik kognitif telah menggunakan karya antologi Shahnnon Ahmad yang diterjemahkan oleh Harry Aveling. Intan Shafinaz dan Nor Zakiah (2005) juga telah menggunakan drama *Uda dan Dara* karya Usman Awang untuk melihat terjemahan kata ganti nama yang digunakan oleh penterjemah, sama ada sesuai berdasarkan makna dan budaya penutur sasaran. Muhammad Fauzi Jumingan (2003), juga melihat bagaimana teori Relevans diaplikasikan kepada novel terjemahan Arab dan ketepatan memilih makna yang sesuai dengan budaya bahasa sumber dan sasaran. Apa yang hendak ditonjolkan di sini ialah semakin banyak kajian linguistik yang khususnya dari kaca mata semantik mengambil karya sastera sebagai data dan asas untuk mengukuhkan analisis mereka.

Kajian Korpus

Linguistik korpus menjadi semakin popular sejak-akhir-akhir ini. Mengikut McEnery dan Wilson (1996), linguistik korpus ialah pengkajian bahasa yang berasaskan contoh-contoh “kehidupan sebenar” penggunaan bahasa.

Korpus yang banyak itu ditempatkan dalam satu bank berbantuan komputer. Bahan yang disimpan sebagai korpus termasuklah akhbar, buku ilmiah, majalah bukan ilmiah, novel, brosur, dan banyak lagi.

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman (2005) telah membuktikan kajian korpus boleh menjadi alternatif kepada kajian bahasa dari sudut preskriptif. Kajian mereka yang bertajuk "Nahu Praktis Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer" telah memanfaatkan data-data korpus untuk menjelaskan konflik-konflik yang timbul antara pendapat penahu terdahulu dengan kajian baharu mereka. Nor Hashimah (2004) melalui kajian korpus dengan mengambil data karya klasik telah berjaya membuktikan bahawa ganti nama 'ia' yang dikatakan tidak boleh digunakan untuk merujuk bukan manusia ternyata digunakan dengan meluas dalam karya teks klasik. Di sini, karya klasik telah dijadikan bahan kajian dan merupakan salah satu komponen daripada bank data bahasa.

Kini novel popular turut boleh dimasukkan sebagai salah satu sumber data korpus dan boleh menyumbang kepada pemahaman bahasa dengan lebih baik dan sistematik lagi. Sumbangan terbesar dapat dilihat daripada kajian ilmu leksikografi, iaitu ilmu yang berkaitan dengan perkamusan. Memandangkan data korpus mampu membantu kajian kertas ini untuk menjadi lebih mantap, maka lima buah novel terbitan Alaf 21 telah dipilih sebagai data korpus kajian.

NOVEL POPULAR DAN SEMANTIK KOGNITIF

Sebanyak lima buah novel telah dipilih sebagai data korpus kajian ini. Novel-novel tersebut ialah:

- i Setulus Janji – Aina Emir (2005)
- ii Pesona Rindu – Sharifah Abu Salem (2005)
- iii Jendela Hati – Aisya Sofea (2004)
- iv Sehangat Asmara – Aisya Sofea (2005)
- v Semusim Rindu – Aleya Aneesa (2005)


Justifikasi kepada pemilihan data:

- Kesemua novel mengenai wanita dan dugaan dalam hidup rumah tangga yang bermasalah.
- Novel ini menarik kerana berjaya dijual dengan jumlah yang banyak, iaitu melebihi 20 000 naskhah dan banyak kali dicetak ulang.

- Novel ini menjadi “10 novel terlaris” di pasaran.
- Adanya pengajaran yang boleh dimanfaatkan bersama.

Meskipun novel popular seperti ini dianggap novel picisan, dari perspektif ilmu linguistik, hal demikian tidak menjadi persoalan pokok. Menurut disiplin linguistik, sesuatu bahan itu boleh dijadikan data asalkan ia merupakan bahasa yang digunakan secara praktis, gramatis dan menjadi rujukan umum. Tidak ada unsur picisan dalam ilmu linguistik. Penjualan yang tinggi dan dicetak ulang beberapa kali sudah cukup membuktikan bahawa bahasa yang digunakan oleh novelis ini diterima umum dan mematuhi susuk dan struktur bahasa Melayu.

Sinopsis Novel Terpilih



Rajah 1

Kesemua tema di atas dapat dijelaskan lagi dengan data yang dipetik daripada novel itu sendiri. Pemilihan kosa kata yang digunakan oleh penulis dapat mengukuhkan lagi andaian bahawa data korpus yang dipilih boleh digunakan untuk meluaskan lagi makna *kuat* dalam erti kata yang sebenar.

Sebelum itu, elok dilihat dahulu apakah yang dimaksudkan dengan *kuat* berdasarkan *Kamus Dewan*. Makna *kuat* ini telah ditentukan mengikut aturan perkamusan berdasarkan sumber data yang ada ketika kamus itu dihasilkan. Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 835) kata *kuat* boleh didefinisikan seperti yang berikut:

1. banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap.
2. tidak mudah roboh (rosak, patah, putus, dan sebagainya), tahan (tidak rapuh dan sebagainya), kukuh, teguh
3. tidak mudah kalah (tumpas, tewas, dan sebagainya), kukuh
4. tidak mudah berubah (hati, pendirian, dan sebagainya), tetap berpegang (pada kepercayaan, keimanan, adat, dan sebagainya), teguh
5. keras (berat, giat, hebat, erat, lantang, kencang, deras, dan lain-lain).
6. mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu
7. suka makan (minum dan lain-lain) banyak-banyak
8. mempunyai kelebihan atau kecekapan dalam sesuatu pengetahuan

Daripada senarai makna di atas, *kuat* mempunyai lapan jenis makna yang berpolisemi. Namun begitu, makna bagi (3) dan (4) boleh digabungkan memandangkan kedua-dua makna itu agak bertindan dan tiada garis pemisah yang jelas antara kedua-duanya. Pengaturan makna entri memang boleh bertukar. Lebih banyak data korpus yang dirujuk, kemungkinan penyusunan makna dalam kamus itu sendiri boleh diperluas atau diperkemas semula.

Semantik Kognitif

Teori ini berkisar tentang makna. Golongan ini tidak bersetuju dengan cara sarjana tradisional seperti Aristotle menggariskan makna. Makna mengikut teori ini tidak memisahkan antara pengetahuan linguistik dengan pengetahuan ensiklopedia atau ekstralinguistik. Makna didefinisikan dengan merujuk ranah konsepsi manakala perbatasan kategori pula dilihat sebagai berubah-ubah dan bergantung pada pelbagai faktor yang antaranya termasuklah pengalaman atau tujuan orang yang membuat konsepsi.

Menurut Rusmadi (2003), premis yang dipegang oleh semantik kognitif ialah makna merupakan objek yang wujud dalam pemikiran kita (*meaning is embodied*). Kategori linguistik (makna) bukanlah terpisah daripada jasad,

sebaliknya manusia menciptanya dengan berasaskan pengalaman konkrit mereka, dan di bawah kekangan yang dikenakan sendiri oleh tubuh seseorang. Makna timbul daripada pengalaman hidup yang disaring dan diproses oleh kognisi dan persepsi manusia. Oleh itu, apabila kita menelaah makna, tujuan kita bukanlah untuk mencari persamaan antara ujaran dengan dunia nyata (tidak juga dunia kemungkinan), sebaliknya kita meneroka cara makna dimotivasikan oleh kapasiti konsepsi dan persepsi manusia. Pendekatan yang digunakan oleh semantik kognitif lebih berteraskan pengalaman (*experientialist approach*). Prinsip kedua menganggap makna tidak wujud secara tersendiri daripada orang yang mencipta atau menggunakannya. Makna yang aktif dalam minda seseorang tidak semestinya sama kepada semua orang kerana makna tertakluk kepada pengalaman individu dan juga pengalaman kolektif.

Ada beberapa konsep penting dalam semantik kognitif ini. Antaranya termasuklah prototaip, makna pinggir, sinestesia dan skema imej. Rosch (1975) telah mencadangkan dua model prototaip: Pertama ialah prototaip tunggal yang memiliki sifat atau ciri-ciri tipikal yang banyak dan yang kedua pula adalah apabila wujud pelbagai prototaip, setiap satu memiliki seperangkat ciri tipikal yang berbeza dan tidak semestinya serupa antara satu dengan yang lain.

Kategori radial pula terdiri daripada makna teras yang menjadi prototaip dan juga makna-makna lain (makna pinggir) yang berkaitan dengannya. Kedua-dua kategori makna ini direpresentasikan dalam bentuk nodus, dan setiap nodus ini dirangkaikan antara satu dengan yang lain oleh rantai penghubung. Bagi kategori yang kompleks, makna teras akan membentuk beberapa makna pinggir dan ada kemungkinan satu rangkaian lain dapat dibentuk di bawah makna pinggir pula. Sinestesia pula ialah proses kognitif yang membenarkan pemindahan makna daripada deria utama, iaitu deria rasa, deria dengar, deria lihat, deria sentuhan dan deria bau kepada makna yang memusat kepada penilaian tingkah laku manusia sebagai agen dan penderita. Pemindahan makna juga boleh memusat kepada perawakan dan pengalaman manusia (Dirven, 1985:99).

Dalam peluasan makna, kita ada bertemu dengan konsep konsepsi metafora dan dari sini kita akan berjumpa dengan konsep skema imej. Skema imej ialah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensori motor semasa kita memanipulasikan objek, mengorientasikan diri kita dalam ruang dan waktu serta ketika kita mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan (Gibbs dan Matlock, 1997). Contoh di bawah akan dapat menjelaskan skema imej dengan lebih baik lagi. Makna merupakan pengalaman yang

dilalui manusia dan sentiasa boleh diperluas berdasarkan motivasi-motivasi tertentu. Dengan itu golongan semantik kognitif telah menganalogikan skema imej ini dengan anatomi manusia. Contoh:

i. Skema BAHAGIAN – KESELURUHAN (*PART – WHOLE*)¹

Berkaitan dengan pengalaman tubuh manusia sebagai satu bahagian yang lengkap yang terbina daripada paduan beberapa anggota lain. Tubuh manusia dan anggota bahagiannya seperti tangan dan kaki merupakan contoh yang paling dekat dengan kita untuk membuat perbandingan dalam menerangkan konsep yang lebih abstrak.

ii. Skema PUSAT – PINGGIRAN (*CENTER – PERIPHERY*)

Melibatkan pengalaman tubuh dan bahagian-bahagiannya yang lain, iaitu sebahagiannya di tengah dan yang lain di samping. Yang di tengah batang tubuh dan pelbagai organ dalaman seperti hati, manakala yang di samping seperti tangan, kuku, rambut dan lain-lain lagi. Daripada struktur pusat – pinggir ini timbul pengalaman “yang di pinggir kurang baik” misalnya dalam tindakan kita memotong kuku dan rambut.

iii. Skema PENGHUBUNG (*LINK*)

Antara pengalaman yang dapat dikaitkan dengan skema PENGHUBUNG ini termasuklah konsep kebergantungan antara satu pihak dengan pihak yang lain, seperti tali pusat dengan bayi di dalam rahim ibu.

Selalunya, skema imej akan memasangkan sesuatu yang abstrak dengan benda yang konkrit bagi memudahkan pemahaman. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), ada tiga jenis metafora konsepsi yang asas, iaitu metafora orientasi (*orientational metaphor*), metafora ontologi (*ontological metaphor*) dan metafora struktural (*structural metaphor*). Metafora orientasi ialah peluasan makna/konsep orientasi seperti DALAM – LUAR, ATAS – BAWAH, HADAPAN – BELAKANG kepada mandala bukan ruang. Metafora ontologi pula ialah pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea yang abstrak, fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat), misalnya *Jalan menuju perdamaian masih jauh* (konsep perdamaian digambarkan seperti objek atau tempat), atau


1 Dalam teori Linguistik Kognitif, huruf besar digunakan sebagai konvensi penulisan untuk melambangkan konsep.

kesihatannya semakin merosot (kesihatan dilihat sebagai objek yang menggelongsor). Metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup kita sebagai ranah sumber untuk kita memahami sesuatu konsep yang lain. Sebagai contoh, metafora struktur MANUSIA UMPAMA TUMBUHAN terselit di dalam pelbagai ungkapan metaforikal yang membolehkan kita merujuk perkembangan fizikal seseorang seperti dalam *perempuan muda yang sedang tumbuh*; kesedihan yang menjadi-jadi seperti *ratap yang berbuah-buah*; orang yang pucat dan lesu atau tidak bergaya seperti yang tergambar dalam: *gadis tua yang sudah layu*.

Dalam data terpilih daripada lima buah novel di atas, wujud satu konsepsi metafora yang melambangkan kekuatan wanita. Metafora itu boleh digambarkan melalui metafora konseptual, KUAT ITU BERDIRI TEGUH (lihat bawah).

Semantik Kognitif dan KUAT

Bahagian ini akan membentangkan analisis kualitatif untuk kata *kuat* dari perspektif semantik kognitif. Di bawah ialah lakaran keseluruhan mengenai kata *kuat* dan peluasan maknanya:



Makna Teras dan Makna Pinggiran *Kuat*

Makna teras bagi kata *kuat* yang didefinisikan oleh *Kamus Dewan* merujuk kekuatan fizikal. Walau bagaimanapun, makna *kuat* yang merujuk kekuatan fizikal tidak terdapat di dalam kelima-lima novel. Dapatan ini tidaklah menghairankan kerana kesemua novel adalah mengenai masalah atau konflik rumah tangga yang dihadapi oleh wanita. Fokus utama kesemua novel tersebut ialah perwatakan wanita dan bagaimana mereka menangani konflik rumah tangga yang dihadapi mereka dan itulah yang menjadi fokus kertas kerja ini. Kata adjektif *kuat* tidak lagi merujuk kekuatan fizikal semata-mata tetapi *kuat* dilihat sebagai satu kekuatan dalaman ataupun kekuatan jiwa seperti yang digambarkan wanita-wanita ini yang berpendirian teguh, mempunyai iman yang teguh dan berani.

Kuat dalam Watak Wanita

Makna pinggiran bagi kata *kuat* yang paling kerap didapati merujuk pendirian seseorang (3), iaitu merujuk seseorang tidak mudah berputus asa atau mudah bertukar fikiran dan kukuh pendirian. Makna ini boleh disubkategorikan lagi kepada:

- i. seseorang yang berpendirian (*kuat*)
- ii. seseorang menjadi *kuat* kerana dia berani menghadapi cabaran (sesuatu yang mendorongnya untuk menjadi *kuat*)
- iii. penilaian orang lain yang menilainya sebagai seorang yang *kuat*

Kelima-lima watak protagonis di dalam kelima-lima novel bukan sahaja dipaparkan sebagai wanita yang *kuat* dan tabah menghadapi segala masalah (dibaca sebagai: konflik rumah tangga) malah mereka juga dilihat sebagai wanita yang *kuat* di mata orang sekeliling:

1. “Abang boleh kata apa saje, tapi Syira **tetap** akan bawak Adila sama.” tegas Insyirah.
2. Azman mengeluh melihat **kesungguhanku**.
3. Cubalah jadi **berani** bila berdepan dengannya.
4. Aku semakin **nekad** dan **pasrah** dengan takdir Allah.
5. Selama ni abang nampak Farah ni a **strong lady**.
6. Mama rasa Naj **kuat** hadapi semua ni Lan.

Daripada kesemua contoh di atas, konsep *kuat* bukan sahaja dinyatakan dengan kata *kuat* tetapi telah diperluas kepada kata-kata seperti *tetap*, *kesungguhan*,

berani, nekad, dan pasrah. Dalam memperkatakan perluasan makna ini, perkataan *pasrah* yang bererti menyerah tidak harus diinterpretasi sebagai satu tindakan menyerah kalah atau sebagai tanda kelemahan kerana konsep *pasrah* di sini bermaksud berserah kepada Allah setelah berusaha mengatasi sesuatu masalah dan menerima segala ketentuan yang telah ditentukan oleh Allah. Dan ini sudah semestinya bukan satu tindakan orang yang lemah. Apa yang menarik dalam dapatan ini ialah perkataan *kuat* yang digunakan untuk menggambarkan perwatakan seseorang hanya digunakan oleh orang lain dalam menilai watak-watak wanita ini seperti di dalam (5) dan (6).

Makna perkataan *kuat* juga telah diperluas kepada metafora konseptual KUAT ITU BERDIRI TEGUH dan ini digambarkan dalam contoh-contoh yang berikut:

7. ... dengan kasih sayang yang ada di antara kami, kami berdua **membina tembok paling tinggi dan teguh** supaya apa sahaja yang berlaku untuk memisahkan kami ...
8. Aku perlu terus **berdiri teguh** untuk diriku. Aku tidak sepatutnya lemah seperti yang aku rasa ketika ini.

Kuat ialah Satu Keupayaan

Satu lagi tanda kekuatan seseorang wanita yang boleh dilihat dalam data yang dikaji ialah keupayaannya menghadapi atau mengharungi sesuatu yang menyiksa atau menyakiti dirinya sendiri. Bukan itu sahaja, wanita tersebut rela berkorban untuk orang yang disayanginya. Adakalanya wanita itu diduga dengan pelbagai cabaran tetapi masih dapat mengatasinya dan malah menjadi seseorang yang lebih kuat.

9. "Mama janganlah sedih pulak," ujar Najmah bergurau. "Ma, Naj dah **tak kisah** semua ini."
10. "Kalau Lan sisihkan Naj, Naj **terima**. Tapi Naj nak jadi isteri Lan sampai mati." ujar Najmah.
11. "Naj kata dia sanggup **berkorban** untuk kebahagiaan Lan dengan Rina." Sudah lama Najmah bersedia untuk semua itu.
12. Tapi Naj **kena beralah** papa, abah. Naj yang kena beralah! Naj tahu, Lan takkan boleh buat keputusan.

Kekuatan bukan hanya dilihat atau diukur pada keupayaan menghadapi sebarang masalah atau cabaran tetapi juga dilihat pada keredaan menghadapi dan menyelesaikan masalah. Ini dapat dilihat menerusi kata-kata seperti

tak kisah, terima, beralah dan berkorban. Apabila seseorang wanita itu rela mengetepikan perasaan dan kebahagiaannya sehingga sanggup berkorban dan akhirnya menerima takdir atau ketentuan Allah; itu adalah lambang seorang wanita yang kuat seperti yang digambarkan oleh watak Najmah di dalam contoh-contoh (9), (10), (11) dan (12) di atas.

Kuat yang Dilafazkan (suara)

Kata *kuat* dalam kategori ini telah diperluas kepada ‘suara’ melalui proses kognitif yang dinamakan sinestesia. Makna teras bagi kata *kuat* yang merujuk kekuatan fizikal dalam ranah yang konkrit telah dipindahkan ke ranah indera, khususnya indera dengar. *Kuat* di sini merujuk suara yang ditinggikan untuk menyatakan dengan tegas kedudukan atau pendirian seseorang dalam sesuatu hal seperti dalam contoh-contoh yang berikut:

13. “*I don’t know. I’m not expecting anybody today, Janice,*” keluhku **keras**.
14. Suaraku **tegas** sekali mengungkap syarat-syarat yang dia perlu tahu sebelum masuk semula ke dalam hidup Misyra secara total.

Suara yang *keras* dan *tegas* seperti yang terdapat dalam (13) dan (14) menunjukkan wanita tersebut ialah seseorang yang berpendirian kuat.

Kuat sebagai Satu Kelebihan

Di dalam kategori terakhir ini, konsep *kuat* merujuk “kelebihan” yang dirasai oleh wanita itu kerana dia sedar dia mempunyai kekuatan yang membolehkannya menghadapi segala masalah yang dilemparkan kepadanya. Hanya terdapat satu contoh di dalam korpus:

15. ... Najmah **lebih bersedia** untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Oleh sebab kekuatan yang ada pada dirinya, Najmah “*telah bersedia*” untuk menghadapi segala masalah dan cabaran di dalam konflik rumah tangganya.

Anjakan Paradigma Kuat: Realiti Hari Ini

Anjakan paradigma dapat dilihat dengan membandingkan kedudukan wanita dalam dua zaman. Dua zaman yang dimaksudkan ialah zaman tradisional

berbanding dengan wanita hari ini. Wanita zaman tradisional dikatakan mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki (dari segi kekuasaan dan dominasi – politik dan rumah tangga), lebih banyak memendam rasa, memakan hati dan introvert, kesan daripada pengaruh budaya, pendidikan dan adab sopan masa itu. Atas sebab itulah penyusunan makna dalam kamus meletakkan fizikal mengatasi emosi dalam penentuan kepentingan makna.

Ini dapat dibuktikan lagi dengan melihat karya-karya klasik. Dalam hal ini, gambaran wanita yang digambarkan adalah melalui *Sejarah Melayu*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Inderaputra* dan *Hikayat Abdullah*. Jelasnya, dalam kesemua karya klasik menggambarkan ketokohan lelaki mengatasi wanita. Sharifah Zaleha (1998) telah memperlihatkan watak-watak wanita dalam *Sejarah Melayu*. Antara wajah yang dipaparkan ialah wanita sebagai pengikat hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Ini berlaku untuk mengukuhkan kuasa pemerintah, wanita dipersembahkan sebagai isteri kepada raja, dijadikan hadiah atau pemberian kepada lelaki, menjadi idaman kaum lelaki, menjadi punca konflik antara lelaki, menjalinkan hubungan luar nikah dengan raja atau pembesar negeri, dan wanita yang sangat mudah diceraikan oleh suami tanpa ada sedikit pun kuasa untuk melawan suami. Walaupun ada aspek-aspek positif yang menggambarkan wanita tradisional tetapi secara keseluruhannya, wanita dianggap pada umumnya lemah, mudah dimanipulasikan dan tidak boleh menentu nasib sendiri. Justeru, wanita mempunyai kedudukan yang rendah di sisi kaum lelaki.

Kajian mengenai wanita ini dijelaskan lagi melalui tulisan Rashila Ramli (1998). Dalam buku *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-Sumber Tradisional Melayu*, Rashila telah menganalisis watak wanita melalui *Hikayat Abdullah*. Kajian ini berdasarkan pendekatan Orientalis. Daripada kajian para orientalis Barat (Schick, Falubert dan Chowdhry) dalam Rashila (1998), wanita timur ini lemah, boleh dipergunakan, tidak bertulang belakang dan perlu sentiasa dilindungi oleh kaum lelaki.

Berbeza dengan data korpus daripada sumber moden, kekuatan wanita digambarkan secara eksplisit. Daripada data terpilih yang kebetulannya menggambarkan wanita yang berpendidikan tinggi dan terbiasa dengan arus kemodenan, sifat introvert telah bertukar menjadi ekstrovert. Wanita hari ini secara realitinya lebih KUAT dan BERANI menghadapi cabaran hidup. Kepentingan pendidikan memang terserlah di sini. Ungkapan-ungkapan seperti:

- i. Walau apa sekalipun yang terjadi di antaranya dan Ilham, dia **tidak akan melepaskan** Adila ke tangan Ilham.
- ii. Insyirah **pasrah**. Dia akan terus **cekal** menghadapi dugaan. Janganlah kekecewaannya nanti berpanjangan. Janganlah perpisahan ini memudaratkan hidupnya
- iii. Aku isterinya, masih **taat menantikan** kepulangnya.
- iv. Aku menyayanginya, **sungguh-sungguh**. Tidak sikitpun luak. **Tetap kukuh**, malah **semakin kuat** sepanjang ketiadaannya. “Mama jangan risau! Naj dah **sedia hadapi** apa aje.”
- v. Sabar Naj! Kau kena **kuat!** Akan ada perkara lain yang lebih menyakitkan, lebih menuntut kesabaran, hatinya berdetik.
- vi. Dia akan menghadapinya dengan **tabah**. Lima tahun bersama Fazlan adalah saat terindah tetapi dia **pasrah** kalau keindahan itu diragut dari hidupnya kerana Darina.
- vii. Aku kalah dalam perjuangan yang pertama. Aku **patut gagah** berdepan dengan segala kata-katanya itu. Aku **patut terus berdiri** menerima sikap angkuhnya itu. Aku **tidak mahu mengaku kalah** dalam hal ini. Aku tidak mahu jadi lemah hanya kerana kata-kata abang Lukman tadi. Perjalanan masih jauh lagi. Aku baru saja melangkah, bisik hatiku.

Daripada data di atas, jelas menunjukkan kesemua watak wanita dalam novel terpilih memperlihatkan ciri wanita yang *kuat* secara eksplisit. Sama ada *kuat* itu diluahkan bagi menyatakan pendirian mereka ataupun dengan tindakan yang menggambarkan betapa kuatnya mereka seperti pergi menuntut ke luar negara tanpa suami, hadir sendiri ke pejabat kadi, bersemuka dengan pasangan masing-masing. Inilah yang dikatakan anjakan paradigma kekuatan wanita dahulu berbanding dengan hari ini. Inilah dunia realiti sebenar wanita hari ini.

Daripada perbandingan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa ada beberapa faktor yang mempengaruhi anjakan paradigma ini. Faktor-faktor tersebut adalah seperti di bawah:

Prosa Tradisional/Klasik	Prosa Moden/Populer
Pengarang didominasi Lelaki	Pengarang didominasi Wanita
Kurang berpelajaran	Berpelajaran
Lingkungan budaya tradisional	Lingkungan budaya moden dan global
Kurang keyakinan diri	Berkeyakinan

Daripada faktor-faktor di atas maka *kekuatan* yang cuba digambarkan melalui novel moden menjadi lebih menonjol. Wanita telah menjadi lebih berpendidikan, berkeyakinan dan berani. Semua faktor ini yang membantu melahirkan kekuatan diri sebagaimana tergambar daripada data yang dipilih dan peluasan makna berdasarkan analisis semantik kognitif. Dalam semantik kognitif, segala bentuk peluasan makna hendaklah bersandarkan motivasi dan bukannya bersifat arbitrari semata-mata. Maka inilah yang menjadi asas kepada gambaran kekuatan wanita hari ini yang juga merupakan realiti hidup pada hari ini.

KESIMPULAN

Kajian terhadap novel dari perspektif linguistik boleh dianggap sebagai satu kajian multidisiplin. Malah kajian linguistik menjadi semakin menarik kerana novel mampu menjadi bahan data korpus dan memberikan ruang yang lebih besar untuk dilihat pola bahasanya. Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan data novel boleh menyumbang kepada dunia leksikografi. Peluasan makna *kuat* secara tidak langsung boleh membuatkan kita memikirkan semua, sama ada perlu dilakukan penyusunan semula penyenaian makna *kuat* dalam kamus itu sendiri. Mungkin kini *kuat fizikal* boleh digantikan dengan *kuat emosi* yang lebih banyak kehadirannya dalam korpus. Walau bagaimanapun, gabungan antara dua disiplin ini mampu memberikan ruang perbincangan akademik yang lebih meriah. Kini kajian makna tidak lagi terikat setakat struktur bahasa sahaja tetapi melangkaui ke arah kajian ekstralinguistik pula. Dan yang lebih penting lagi persepsi terhadap wanita telah melalui satu anjakan paradigma dengan memberikan wajah positif kepada watak itu sendiri. Satu perubahan positif daripada prosa tradisional kepada prosa moden. Itulah cabaran dunia realiti hari ini.

RUJUKAN

- Aina Emir, 2005. *Setulus Janji*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
Aisya Sofea, 2004. *Jendela Hati*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
Aisya Sofea, 2005. *Sehangat Asmara*. Kuala Lumpur: Alaf 21.
Anis Alessa, 2005. *Semusim Rindu*. Kuala Lumpur: Alaf 21
Asmah Hj. Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Dirven, R., 1985. "Metaphor as a Basic Means for Extending the Lexicon" dlm. *Ubiquity of Metaphor*, Amsterdam: John Benjamin.
Fadzeli Jaafar, 2004. "Kata Penghubung dalam Teks Kreatif Bahasa Melayu: Kajian

- Gaya Bahasa". Kertas kerja Seminar Sehari Linguistik dan IRPA 02-07-07-0023EA211, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac 2004.
- Farid M. Onn (ed.), 1982. *Stilistik: Symposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Intan Shafinaz dan Zakiah Abdul Hamid, 2005. Penekanan Jati Diri Melayu dalam Terjemahan Bahasa Inggeris dalam Drama Usman Awang, dalam Khazriyati *et al.*, *Persepsi, Manifestasi dan Cabaran Negara Bangsa*. Pusat Bahasa dan Linguistik: Bangi.
- Lakoff, George, 1987. *Women, Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Muhammad Fauzi Jumingan, 2003. "Terjemahan Bahasa Figuratif Arab Melayu: Analisis Teori Relevans". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2004. "Kata Ganti Nama 'Ia' dan 'Ianya': Analisis Rangka Rujuk Silang". Kertas kerja Seminar Sehari Linguistik dan IRPA 02-07-07-0023EA211, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac 2004.
- Norsimah Mat Awal, 2003. "*Peluasan Makna Kata Adjektif Berdasarkan Karya Shahnnon Ahmad: Analisis Semantik Kognitif*". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Rashila Ramli, 1998. "*Hikayat Abdullah: Pembelaan Wanita di Timur?*" dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli (ed.), *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-Sumber Tradisional Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu: Bangi.
- Rosch, E., 1975. "Cognitive Representations of Semantik Categories" dlm *Journal of Experimental Psychology General*, 104:192-233.
- Rusmadi Baharuddin, 2003. "*Pengendalian Polisemi Kata Kerja Unggulan di dalam Kamus Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Linguistik Kognitif*". Tesis Sarjana Linguistik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Abu Salem, 2005. *Pesona Cinta*, Alaf 21: Kuala Lumpur.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1998. "Identiti dan Citra Wanita Berasaskan Sejarah Melayu" dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli (ed.). *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-Sumber Tradisional Melayu*, Institut Alam dan Tamadun Melayu: Bangi.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman, 2005. "Nahu Praktis Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer". Laporan Akhir Penyelidikan IRPA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.